

Tatakelakuan



AkerSolutions

Senarai Kandungan

04 Memahami dan Mengamalkan Kod

- 05 Mesej daripada Ketua Pegawai Eksekutif
- 06 Umum
- 08 Skop
- 09 Tanggungjawab dan Pelaksanaan
- 10 Pengisytiharan Pematuhan

12 Bertindak dengan Integriti

- 13 Anti-Rasuah
- 14 Pengubahan Wang Haram
- 15 Kerahsiaan
- 16 Konflik Kepentingan
- 18 Kawalan Eksport
- 19 Persaingan adil
- 21 Hadiah dan Layanan Baik
- 22 Maklumat Orang Dalam
- 25 Sekatan Antarabangsa dan Ekonomi
- 26 Penjawat Awam
- 29 Melindungi Harta, Maklumat dan Aset

30 Prihatin terhadap kakitangan kita

- 31 Anti Gangguan dan Intimidasi
- 32 Kepelbagai dan Peluang Sama Rata
- 35 Hak Asasi Manusia dan Buruh

36 Bekerjasama dengan Pihak Berkepentingan dengan kita

- 37 Privasi dan Perlindungan Data
- 38 Melindungi Alam Sekitar
- 40 Tajaan dan Derma
- 41 Ketulusan dan Pelaporan Kewangan

42 Laporan

- 43 Pendedahan Maklumat – Pelaporan Pelanggaran

Versi Tatakelakuan ini diterjemahkan dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu. Jika terdapat sebarang percanggahan atau konflik di antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Melayu, maka versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.



Memahami dan
Mengamalkan Kod

Mesej daripada Ketua Pegawai Eksekutif

Di Aker Solutions, kita ingin perkerja-pekerja bangga bekerja dengan dan untuk syarikat kita. Kita mempunyai operasi global dan bekerja dalam pelbagai situasi tempatan, budaya perniagaan, undang-undang dan peraturan. Namun, nilai-nilai kita tetap sama dan integriti kita tidak boleh dikompromi. Kita mempunyai standard yang tinggi untuk diri sendiri, pekerja dan wakil kita, dan hanya akan bekerjasama dengan rakan kongsi, pembekal dan subkontraktor yang mematuhi standard setinggi kita. Kita bekerjasama dengan rakan perniagaan untuk menggalakkan dan menyokong inisiatif menambahbaik dan meningkatkan standard industri dalam tingkah laku beretika.

Tatakelakuan ini adalah dokumen utama kita. Ia menetapkan prinsip dan peraturan kita dengan jelas dalam menjalankan perniagaan dan kelakuan kita. Adalah penting untuk kita memahami risiko integriti yang dihadapi dalam peranan kita, bagaimana menguruskannya, dan siapa yang boleh membantu dan menasihat sekiranya kita ragu-ragu. Setiap pekerja bertanggungjawab untuk membaca dan memahami Tatakelakuan dan mematuhi peraturannya. Tiada pengecualian akan diberikan dalam prinsip dan komitmen ini. Sekiranya terdapat kemungkinan pelanggaran Tatakelakuan ini, pastikan anda melaporkannya dengan segera melalui saluran yang sedia ada.

Integriti bermula dengan anda dan saya; pilihan dan tindakan yang kita ambil apabila berhadapan dengan dilema akan menunjukkan syarikat kita benar-benar menjalankan perniagaan dengan penuh integriti. Syarikat kita perlu menjalankan perniagaan dengan budaya bertanggungjawab melalui amalan nilai-nilai kita. Di Aker Solutions, kita mempunyai sejarah industri yang panjang dan membanggakan. Kita menghormati warisan ini dan menjamin operasi masa depan dengan tindakan yang bertanggungjawab dan berintegriti di mana jua kita beroperasi.

Kjetel Digre
Ketua Pegawai Eksekutif, Aker Solutions

Umum

Aker Solutions perlu melakukan perniagaannya dengan penuh integriti, menghormati undang-undang, budaya, maruah dan hak setiap individu di dalam negara tempat kita beroperasi. Semua pekerja Aker Solutions dikehendaki bertindak menurut nilai-nilai syarikat kita.

Tatakelakuan ini menerangkan keperluan dan komitmen Aker Solutions mengenai amalan etika perniagaan dan tatakelakuan peribadi. Ia menerangkan tingkah laku yang dikehendaki oleh Aker Solutions daripada anda, dan juga tingkah laku yang anda dan rakan niaga kita kehendaki daripada Aker Solutions.

Itu penting untuk menyedari bahawa sesetengah dasar dan prosedur Aker Solutions memberikan maklumat yang lebih terperinci mengenai kelakuan yang diterima dan kelakuan yang tidak diterima (sesetengah dasar dan prosedur tersebut dinyatakan dalam bahagian Tatakelakuan yang berikut).

Anda perlu berusaha untuk mengamalkan pemerhatian, penjagaan dan pertimbangan yang baik semasa berkhidmat dengan Aker Solutions. Sekiranya ada perbezaan antara peraturan dan undang-undang berkaitan dengan standard yang ditetapkan dalam Tatakelakuan ini, standard tertinggi yang konsisten dengan undang-undang berkaitan perlu digunakan. Pelanggaran Tatakelakuan ini atau undang-undang berkaitan mungkin mengakibatkan tindakan tatatertib

dalaman, pemecatan atau pendakwaan jenayah.

Sekiranya anda mempunyai soalan berkenaan kandungan Tatakelakuan ini atau tafsirannya, sila hubungi bahagian Perundangan Korporat atau pihak Integriti dan Pematuhan Perniagaan Korporat. Sekiranya anda memerlukan nasihat dalam mengendalikan dilema etika yang khusus, anda hendaklah berunding dengan pengurus anda atau pihak berkuasa lain yang sesuai. Anda juga boleh menghubungi talian bantuan etika di:

ethics@akersolutions.com

Anda digalakkan untuk merujuk rakan sekerja jika anda mempunyai sebarang isu atau soalan berkaitan pematuhan Tatakelakuan ini. Anda juga perlu melaporkan sebarang bukti pelanggaran Tatakelakuan ini atau undang-undang berkaitan yang dikenal pasti. Melaporkan pelanggaran tidak akan menjadi atas tindakan tatatertib.

Tatakelakuan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Aker Solutions ASA. Semua percanggahan, jika ada, perlu diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.



Skop

Tatakelakuan ini terpakai kepada semua pekerja (termasuk kakitangan sementara) dan pengarah di Aker Solutions ASA dan anak syarikat, sekutu korporat dan usaha sama yang majoriti dimiliki atau dikawal oleh Aker Solutions (secara individu dan secara kolektif). Ia juga terpakai kepada perantara, pelobi, konsultan dan lain-lain yang bertindak bagi pihak Aker Solutions.

Aker Solutions menggalakkan semua rakan perniagaan kita untuk mematuhi prinsip yang konsisten dengan Tatakelakuan ini. Pembekal, subkontraktor dan pihak kontrak lain bagi Aker Solutions, termasuk syarikat yang mana Aker Solutions memiliki saham minoriti, dikehendaki mematuhi standard yang konsisten dengan undang-undang berkenaan dan Tatakelakuan Aker Solutions, dan Aker Solutions perlu melakukan yang terbaik untuk memastikan pematuhan tersebut.



Tanggungjawab dan Pelaksanaan

TANGGUNGJAWAB PERIBADI:

Sebagai pekerja Aker Solutions, anda perlu berusaha membuat penilaian, penjagaan dan pertimbangan yang baik dalam perkhidmatan anda untuk Aker Solutions. Anda dikehendaki membiasakan diri anda dengan, menandatangani dan menjalankan tugas anda selaras dengan prinsip yang dinyatakan di sini. Sekiranya anda memerlukan nasihat dalam mengendalikan dilema etika yang khusus, anda dinasihatkan berunding dengan pengurus anda atau pihak berkuasa lain yang sesuai. Pegawai Pematuhan Pusat Penghantaran atau pihak Integriti dan Pematuhan Perniagaan Korporat juga boleh dihubungi untuk mendapatkan nasihat.

TANGGUNGJAWAB NAIB PRESIDEN EKSEKUTIF DAN PENGURUS BARISAN:
Naib Presiden Eksekutif dan Pengurus Barisan bertanggungjawab untuk menyampaikan keperluan dalam Tatakelakuan kepada semua kakitangan bawah mereka. Pengurus juga bertanggungjawab untuk menggalakkan dan memantau pematuhan terhadap Tatakelakuan dalam bidang tanggungjawab mereka masing-masing.

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF:
Lembaga Pengarah Aker Solutions bertanggungjawab untuk melindungi, melaksana dan menyelia pengurusan Tatakelakuan ini. Ketua Pegawai Eksekutif Aker Solutions hendaklah memastikan para pekerja menyedari dan mematuhi Tatakelakuan ini. Ketua Pegawai Eksekutif juga perlu memastikan bahawa latihan tahunan Tatakelakuan dijalankan untuk pekerja syarikat dan bahawa semua pekerja, sebagai sebahagian daripada latihan tersebut atau proses lain yang sesuai, menandatangani bahawa mereka telah membaca dan memahami Tatakelakuan tersebut.

Pengisytiharan Pematuhan

Anda sebagai pekerja (termasuk kakitangan sementara) dan/atau pengarah dalam Aker Solutions ASA akan diminta pada setiap tahun untuk mengesahkan dengan menandatangani Penyata Pematuhan Tahunan yang telah anda baca dan membiasakan diri dengan Tatakelakuan ini, dan anda pada tahun lepas telah menjalankan tugas dan tanggungjawab anda mengikut keperluan yang ditetapkan dalam Tatakelakuan ini.

Pembekal, subkontraktor, wakil dan pihak kontrak lain bagi Aker Solutions dikehendaki mempunyai standard etika yang serasi dengan Tatakelakuan ini, dan juga perlu menandatangani perisyntiharan yang mengesahkan pematuhan terhadap keperluan yang terkandung dalam Tatakelakuan ini.





Anti-Rasuah

Aker Solutions dengan jelas menghalang sebarang peruntukan, tawaran atau penerimaan rasuah dalam sebarang bentuk kepada sesiapa sahaja, sama ada pihak swasta atau awam, secara langsung ataupun melalui mana-mana pihak ketiga.

Rasuah berlaku apabila anda menawarkan, membayar, meminta atau menerima kelebihan, hadiah atau bayaran yang tidak wajar bagi mempengaruhi keputusan atau hasil kerajaan atau perniagaan. Penglibatan dalam rasuah, atau tindakan mengabaikan rasa curiga terhadap rasuah, boleh memudaradkan Aker Solutions dan diri anda secara peribadi. Rasuah boleh diberi dalam bentuk duit, atau apa-apa sahaja yang bernilai, seperti hadiah atau derma, manfaat perjalanan, manfaat pekerjaan, atau sebarang kelebihan yang lain.

“Pembayaran pemudahan” adalah bayaran kecil tidak rasmi yang bertujuan untuk mempercepatkan atau menjamin peruntukan produk atau perkhidmatan yang menjadi hak sah anda atau syarikat ini. Pembayaran pemudahan adalah tidak sah di bawah beberapa undang-undang antirasuah berkaitan dengan Aker Solutions, dan dianggap sebagai rasuah oleh Aker Solutions. Sesiapa sahaja yang mewakili Aker Solutions dilarang sama sekali daripada menawarkan atau melakukan pembayaran pemudahan.

Aker Solutions mempunyai peraturan yang ketat mengenai penggunaan pihak ketiga secara komersial untuk menyokong aktiviti berkaitan jualan. Semua penggunaan Wakil Pihak Ketiga perlu dilakukan menurut

Prosedur Kelayakan Rakan Perniagaan dan Usaha Wajar Integriti (IDD).

Tiada pekerja atau rakan niaga yang akan menerima kesan buruk jika enggan melibatkan diri dalam aktiviti pembayaran tidak wajar ini, walaupun jika ia mengakibatkan kehilangan perniagaan.

TANGGUNGJAWAB ANDA:

- Memastikan semua bayaran yang dilakukan adalah wajar dan sah di sisi undang-undang, diluluskan oleh kakitangan Aker Solutions yang berkaitan, dan direkod dengan tepat dalam rekod dan buku Aker Solutions
- Anda tidak boleh (sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui pihak ketiga) menawarkan apa-apa sahaja yang bernilai untuk mempengaruhi secara tidak wajar, tindakan atau keputusan oleh sesiapa sahaja, termasuk mana-mana pegawai awam atau pihak swasta, bagi kepentingan Aker Solutions
- Pembayaran pemudahan tidak boleh dilakukan walaupun jika ia tidak dianggap sebagai kesalan jenayah di bawah bidang kuasa yang berkaitan. Sekiranya bayaran diminta daripada anda untuk mengelakkan ancaman nyawa dan kesihatan seseorang, bayaran tersebut tidak dilarang, tetapi ia perlu dilaporkan dengan segera kepada pihak Integriti dan Pematuhan Perniagaan Korporat
- Wakil Pihak Ketiga tidak boleh digunakan tanpa kelulusan khusus daripada Ketua Pegawai Eksekutif Aker Solutions

Pengubahan Wang Haram

Pengubahan wang haram menyokong aktiviti jenayah, termasuk pengedaran dadah, keganasan, rasuah dan pengelakan cukai. Pengubahan wang haram adalah proses menyembunyikan hasil jenayah untuk menyembunyikan asal-usul yang tidak sah atau sebaliknya berurusan dengan hasil jenayah. Perolehan jenayah termasuk bukan sahaja wang, tetapi semua bentuk aset, hartanah dan harta tidak ketara yang dihasilkan daripada aktiviti jenayah.

Aker Solutions komited untuk mematuhi semua undang-undang anti-pengubahan wang haram dan anti-keganasan. Kita akan menjalankan perniagaan hanya dengan pelanggan yang bereputasi dan rakan niaga yang terlibat dalam aktiviti perniagaan yang sah, dengan dana yang diperoleh daripada sumber yang sah.

TANGGUNGJAWAB ANDA:

- Melakukan usaha wajar rakan niaga yang sesuai untuk memahami perniagaan dan latar belakang rakan kongsi perniagaan kita yang prospektif dan untuk menentukan asal dan tujuan wang dan harta benda
- Walaupun sebahagian daripada kita bakal berhadapan dengan masalah pengubahan wang haram, anda hendaklah memberikan perhatian terhadap percubaan membuat pembayaran secara tunai atau selainnya melibatkan perbankan atau pengaturan pembayaran yang di luar kebiasaan
- Laporkan transaksi yang mencurigakan atau insiden pengubahan wang haram kepada pihak Integriti dan Pematuhan Perniagaan Korporat



Kerahsiaan

Aker Solutions komited untuk melindungi maklumat sulit. Kita tidak akan menyalahgunakan maklumat yang dimiliki oleh kita atau mana-mana rakan kongsi kita.

TANGGUNGJAWAB ANDA:

- Anda mempunyai kewajipan kerahsiaan yang juga terpakai selepas tamatnya hubungan pekerjaan atau kontrak dengan Aker Solutions dan selagi maklumat dianggap bersifat sensitif atau sulit
- Merahsiakan semua perkara yang boleh memberikan pihak ketiga akses tanpa kebenaran kepada maklumat sulit
- Berhati-hati mempertimbangkan bagaimana, di mana dan dengan siapa perkara-perkara yang berkaitan dengan Aker Solutions dibincangkan

Konflik Kepentingan

Konflik kepentingan berlaku apabila hubungan peribadi, penyertaan dalam aktiviti luaran atau kepentingan dalam usaha lain boleh mempengaruhi atau boleh dianggap mempengaruhi keputusan seseorang semasa bertindak untuk Aker Solutions. Hubungan peribadi boleh melibatkan pasangan atau keluarga terdekat, saudara mara dan rakan peribadi rapat.

Semua transaksi perniagaan perlu dilakukan semata-mata untuk kepentingan terbaik Aker Solutions. Mana-mana konflik kepentingan yang tidak dapat dielakkan secara wajar hendaklah dibuat secara telus dan dilaporkan sepenuhnya. Pengurus bertanggungjawab untuk menilai pemberitahuan, mempertimbangkan tindakan penyelesaian dan memastikan perkara tersebut dilaksanakan.

Semua jawatan pengarah, pekerjaan atau tugasan lain yang dipegang atau dilaksanakan oleh pekerja Aker Solutions dalam perusahaan lain yang mempunyai, atau mungkin dijangka untuk mempunyai, hubungan perdagangan dengan Aker Solutions, hendaklah diluluskan secara bertulis oleh Aker Solutions.

TANGGUNGJAWAB ANDA:

- Anda perlu bertindak demi kepentingan terbaik Aker Solutions dan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengelakkan situasi dan kedudukan yang menyebabkan atau memungkinkan untuk menyebabkan konflik kepentingan
- Tidak boleh menyertai sebarang transaksi atau urusan perniagaan lain bagi pihak Aker Solutions di mana anda secara langsung atau tidak langsung mempunyai, atau secara munasabah disyaki mempunyai, kepentingan peribadi atau sebaliknya, secara langsung atau tidak langsung, mendapat manfaat daripada kedudukan anda di Aker Solutions
- Tidak boleh mempunyai kepentingan di luar syarikat dalam sebarang perniagaan yang bersaing dengan atau menyediakan perkhidmatan kepada Aker Solutions
- atau anak syarikatnya, yang boleh menjelaskan objektif anda dalam menjalankan tanggungjawab syarikat anda
- Perlu mengelak daripada melakukan perniagaan bagi pihak Aker Solutions dengan rakan peribadi rapat atau saudara mara
- Sekiranya anda mempunyai konflik kepentingan, sila maklumkan kepada pengurus anda secara bertulis dan mendedahkan semua fakta yang berkaitan dan memastikan bahawa semua pihak yang terlibat menyedari sepenuhnya dan diingatkan berkenaan potensi konflik kepentingan
- Sebagai seorang pengurus beliau perlu memastikan individu yang mempunyai konflik diasingkan daripada sebarang operasi, pengaruh dan/atau proses membuat keputusan yang berkaitan dengan subjek konflik



Kawalan Eksport

Undang-undang kawalan eksport mengenakan sekat dan larangan ke atas sesetengah jualan, penghantaran, pemindahan elektronik, peruntukan atau pendedahan maklumat, perisian, barang, aset, dana dan perkhidmatan merentasi sempadan negara atau melibatkan pihak yang terikat dengan sekat ekonomi. Eksport yang tertakluk pada undang-undang kawalan eksport memerlukan dokumen pelepasan kastam, lesen dan/atau kelulusan daripada pihak berkuasa negara sebelum eksport. Eksport melibatkan pemindahan secara elektronik, melalui perbincangan atau pemeriksaan visual, dan bukan hanya melalui kaedah penghantaran tradisional. Aker Solutions mematuhi semua undang-undang kawalan eksport yang berkenaan.

TANGGUNGJAWAB ANDA:

- Anda perlu berfikir dengan teliti mengenai potensi impak undang-undang kawalan eksport sebelum memindahkan barang, teknologi, perisian atau perkhidmatan merentasi sempadan negara dan memastikan ia selari dengan semua undang-undang kawalan eksport yang berkenaan
- Anda perlu sentiasa menilai sama ada sebarang barang, teknologi, perisian atau perkhidmatan dieksport disenaraikan pada sebarang senarai penggunaan dual atau senarai tentera biasa. Jika ragu-ragu, hubungi pengurus anda untuk mendapatkan nasihat



Persaingan adil

Undang-undang antitrust melindungi perusahaan bebas dan melarang tindakan yang mengehadkan perdagangan atau menyekat persaingan adil dan ia diguna pakai di setiap peringkat perniagaan. Undang-undang antitrust menghalang amalan tidak sah seperti penetapan harga, konspirasi penipuan tawaran atau perkongsian pasaran, atau tindakan yang bertujuan untuk mencapai atau mengekalkan monopoli.

Aker Solutions tidak akan bertolak ansur terhadap sebarang pelanggaran undang-undang dan peraturan antitrust. Pihak syarikat komited terhadap persaingan yang adil dan terbuka dan tidak terlibat sebarang aktiviti yang melibatkan penyalahgunaan, penerimaan, penggunaan atau perkongsian maklumat bukan milik awam secara kompetitif atau maklumat sensitif secara komersial. Contoh-contoh maklumat tersebut boleh termasuk harga semasa atau masa hadapan, kontrak sedia ada, tawaran kompetitif, strategi komersial, kos, atau maklumat bukan milik awam secara kompetitif atau maklumat sensitif secara komersial.

TANGGUNGJAWAB ANDA:

- Mematuhi undang-undang antitrust yang berkenaan
- Jangan melibatkan diri dalam sebarang aktiviti yang melibatkan mendapatkan, menerima, menggunakan atau berkongsi maklumat yang tidak kompetitif atau komersial yang tidak bersifat awam tanpa sebab yang sah
- Sekiranya anda mendapat diri anda memiliki atau menyedari sesiapa yang memiliki maklumat bukan awam secara kompetitif atau maklumat sensitif secara komersial, sila hubungi pihak Integriti dan Pematuhan Perniagaan Korporat dengan segera. Jangan berbincang atau berkongsi maklumat tersebut dengan sesiapa sahaja
- Dapatkan nasihat daripada pihak Undang-undang Korporat dalam semua perkara yang melibatkan risiko pendedahan antitrust untuk Aker Solutions, diri anda atau mana-mana laporan anda



Hadiah dan Layanan Baik

Aker Solutions tidak membenarkan hadiah atau layanan baik di mana memberi atau menerima boleh mempengaruhi keputusan perniagaan, melanggar mana-mana undang-undang tempatan atau dasar syarikat penerima, atau menyebabkan yang lain menyedari pengaruh atau pelanggaran tersebut. Aker Solutions tidak mengharapkan hadiah atau layanan baik daripada mana-mana rakan perniagaan kita.

Adalah menjadi dasar syarikat bahawa Aker Solutions tidak menerima atau menawarkan hadiah atau layanan baik - kecuali dalam keadaan terhad seperti yang diperincikan dalam Prosedur Hadiah dan Layanan Baik kita. Layanan baik hanya boleh diterima atau ditawarkan jika ia dalam kombinasi dengan mesyuarat perniagaan atau terdapat sebab perniagaan lain yang jelas untuk hadir, dan perbelanjaan dalam had aman yang berkenaan seperti yang ditetapkan dalam Prosedur yang sama.

Semua hadiah dan layanan baik yang ditawarkan dan diterima hendaklah sentiasa direkodkan dengan betul dalam Daftar Hadiah dan Layanan Baik Aker Solutions. Ini terpakai kepada kedua-dua hadiah dan layanan baik yang diterima mengikut Prosedur Hadiah dan Layanan Baik, dan apabila hadiah atau layanan baik ditawarkan tetapi ditolak sebagai sesuatu yang tidak mematuhi dasar kita.

Hadih, layanan baik atau sebarang kelebihan kewangan atau kelebihan lain tidak boleh dijanjikan, ditawarkan kepada atau diterima daripada pegawai kerajaan melainkan perkara tersebut tertakluk pada kelulusan awal khas secara bertulis daripada pihak Integriti dan Pematuhan Perniagaan Korporat. Undang-undang tempatan mungkin menghalang atau malah melarang tawaran hadiah dan layanan baik kepada pegawai kerajaan (lihat bab meliputi Pegawai Kerajaan).

TANGGUNGJAWAB ANDA:

- Anda dilarang untuk menerima atau menawarkan hadiah atau layanan baik yang akan mempengaruhi penilaian anda atau mana-mana pihak lain, atau menyebabkan orang lain menyedari pengaruh tersebut
- Anda tidak boleh sesekali meminta hadiah, layanan baik atau bantuan lain untuk manfaat peribadi daripada mana-mana pemegang saham Aker Solutions
- Hadiah tidak boleh diterima atau ditawarkan dalam situasi rundingan, bidaan atau pemberian kontrak
- Layanan baik, perbelanjaan atau bantuan lain tidak boleh ditawarkan atau diterima di mana ia boleh dilihat mempengaruhi keputusan semasa situasi rundingan, bidaan atau pemberian kontrak
- Sekiranya terdapat keraguan, hendaklah sentiasa berunding dengan pengurus atau pihak Integriti dan Pematuhan Perniagaan Korporat

Maklumat Orang Dalam


Anda terlibat dalam urusan orang dalam semasa anda berdagang dalam saham yang didagangkan secara awam atau sekuriti lain sementara memiliki maklumat khusus yang mampu menjelaskan harga saham atau sekuriti dan yang tidak tersedia secara umum atau dikenali secara amnya dalam pasaran atau apabila anda mendedahkan maklumat ini kepada orang lain atau mempengaruhi orang lain yang kemudiannya, berurus niaga dalam saham atau sekuriti lain tersebut ia ialah satu kesalahan jenayah untuk berdagang dalam saham Aker Solutions atau sekuriti lain berdasarkan maklumat orang dalam.


Pemegang maklumat orang dalam yang berkaitan dengan harga saham Aker Solutions hanya boleh menyampaikan maklumat ini kepada individu yang memerlukan maklumat tersebut dalam kerja mereka untuk Aker Solutions dan hanya tertakluk kepada kebenaran daripada pengurus beliau dan bersesuaian dengan penyenaraian individu dalam sistem senarai orang dalam Aker Solutions.

Butiran lanjut dan panduan ditetapkan selanjutnya dalam Prosedur Orang Dalam dalaman kita.

TANGGUNGJAWAB ANDA:

- Anda mesti melindungi maklumat perniagaan sulit dan tidak menggunakan untuk manfaat sendiri, terutamanya apabila melakukan perdagangan saham dan sekuriti lain atau mencadangkan kepada orang lain untuk berbuat demikian
- Anda tidak boleh menyebarkan khabar angin, mengelirukan dengan maklumat palsu atau memanipulasikan harga
- Anda perlu mematuhi dasar Aker Solutions semasa melakukan perdagangan saham atau sekuriti lain Aker Solutions atau mana-mana syarikat berkaitan yang mungkin anda terima maklumat orang dalamnya melalui kerja anda dengan Aker Solutions
- Anda perlu mendapatkan nasihat daripada bahagian Undang-Undang Korporat dalam segala hal yang melibatkan risiko maklumat orang dalam





Sekatan Antarabangsa dan Ekonomi

Sekatan antarabangsa dan ekonomi mengenakan sekatan dan larangan terhadap negara tertentu bagi jualan, bekalan, pemindahan, peruntukan atau eksport, secara langsung atau tidak langsung, bagi sesetengah barang, teknologi, perisian, perkhidmatan dan dana, serta perkhidmatan broker dan bantuan teknikal termasuk pendedahan maklumat. Undang-undang sekatan juga melarang berurusan dengan sesetengah pihak, yang secara khusus ditetapkan oleh kerajaan untuk halangan sekatan.

Aker Solutions mematuhi semua undang-undang sekatan yang berkenaan. Oleh itu, menjalankan perniagaan di sesetengah negara memerlukan perhatian tertentu terhadap undang-undang sekatan.

Butiran lanjut dan panduan ditetapkan selanjutnya dalam Panduan Sekatan dalaman kita atau boleh diperoleh daripada pihak Integriti dan Pematuhan Perniagaan Korporat.

TANGGUNGJAWAB ANDA:

- Anda perlu memastikan pematuhan terhadap semua undang-undang sekatan berkenaan
- Sebelum anda terlibat dalam perniagaan dengan mana-mana pihak, anda perlu memastikan bahawa pihak tersebut tidak dikenakan sekatan
- Anda perlu berfikir dengan teliti mengenai potensi impak sekatan antarabangsa sebelum memindahkan barang, teknologi, perisian atau perkhidmatan merentasi sempadan negara
- Anda juga perlu memberikan perhatian kepada urusan dengan pihak daripada negara yang disekat, atau sebaliknya ditetapkan untuk sekatan kewangan

Penjawat Awam

“Penjawat awam” bermaksud mana-mana pegawai atau pekerja kerajaan, jabatan kerajaan, agensi, atau perusahaan yang dimiliki atau dikawal oleh kerajaan, mana-mana individu yang bertindak secara rasmi untuk atau bagi pihak kerajaan atau entiti kerajaan atau bagi organisasi antarabangsa awam, sebarang parti politik atau pegawai parti, atau mana-mana calon untuk jawatan politik. Penjawat awam bukan sahaja merangkumi pegawai yang dipilih, tetapi juga pakar runding yang memegang jawatan kerajaan dan pegawai parti politik.

Kita perlu lebih berhati-hati dalam cara tatakelakuan kita apabila berurusan dengan penjawat awam. Hadiah, layanan baik atau apa-apa kelebihan kewangan atau lain-lain tidak boleh ditawarkan, dijanjikan, diberikan kepada atau diterima daripada penjawat awam melainkan jika ini tertakluk kepada pra-kelulusan bertulis yang khusus dari pihak Integriti dan Pematuhan Perniagaan Korporat. Undang-undang tempatan mungkin menghalang atau melarang penawaran hadiah dan hiburan kepada penjawat awam.

TANGGUNGJAWAB ANDA:

- Sebagai wakil Aker Solutions, anda tidak boleh, untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan atau faedah yang tidak wajar dalam pengendalian perniagaan, menawarkan, menjanjikan, atau memberi sebarang faedah yang tidak wajar kepada penjawat awam supaya pegawai tersebut bertindak atau tidak melakukan sebarang tindakan berkaitan pelaksanaan tugas beliau. Ini diguna pakai pada faedah yang ditawarkan secara langsung ataupun melalui perantara
- Apabila berhubung dengan penjawat awam, anda perlu melakukannya dengan cara yang telus dan berterutamaan serta penuh integriti setiap masa
- Hadiah dan layanan baik yang diberikan kepada, atau diterima daripada penjawat awam perlu direkodkan dengan betul dalam Daftar Hadiah dan Layanan Baik Aker Solutions





Melindungi Harta, Maklumat dan Aset

Harta, maklumat dan aset Aker Solutions perlu dilindungi oleh langkah-langkah perlindungan secukupnya. Maklumat dan aset kita hanya untuk digunakan bagi tujuan perniagaan sah dan hanya oleh pekerja yang dibenarkan atau wakil mereka. Ini terpakai pada aset ketara contohnya peralatan dan aset tidak ketara seperti harta intelek dan maklumat sulit. Maklumat yang dihasilkan dan disimpan dalam sistem IT Aker Solutions dianggap sebagai harta syarikat. Penggunaan peribadi hanya dibenarkan setakat yang terhad, dan maklumat boleh dianggap tidak sah dan tidak sesuai mestilah tidak di bawah sebarang keadaan diproses atau dimuat turun. Penggunaan sistem IT dan perkhidmatan internet khususnya, hendaklah ditadbir memenuhi keperluan perniagaan dan bukan demi kepentingan peribadi.

TANGGUNGJAWAB ANDA:

- Melindungi harta, maklumat dan aset Aker Solutions daripada kecurian dan kehilangan
- Melaporkan sebarang pelanggaran keselamatan harta kepada pihak Keselamatan Korporat Aker Solutions
- Melaporkan sebarang kecurian, pembaziran atau penyalahgunaan maklumat dan aset syarikat kepada pihak Keselamatan, IT atau Sumber Manusia Aker Solutions
- Mengekalkan fail dan arkib elektronik dalam keadaan teratur

Butiran lanjut dan panduan ditetapkan selanjutnya dalam Dasar Keselamatan dalaman kita.



Prihatin terhadap
kakitangan kita

Anti Gangguan dan Intimidasi

Di Aker Solutions, semua orang hendaklah dilayan dengan adil, penuh hormat dan bermaruah. Kita tidak akan bertolak ansur dengan sebarang bentuk penderaan, gangguan, ugutan, menjatuhkan maruah atau tingkah laku seksual menyakitkan hati oleh atau terhadap pekerja atau pihak lain yang terjejas oleh operasi kita. Komen atau sebarang bentuk mesej yang menyakitkan hati, kata-kata menghina atau jenaka yang tidak bersesuaian tidak boleh diterima.

TANGGUNGJAWAB ANDA:

- Ambil langkah untuk mewujudkan persekitaran kerja yang baik - bebas dari segala bentuk gangguan
- Jangan sekali-kali terlibat dalam penyalahgunaan, gangguan, buli, keganasan di tempat kerja, tingkah laku yang menyinggung perasaan seksual atau tingkah laku lain yang rakan sekerja atau rakan perniagaan mungkin menganggap sebagai mengancam atau menghina.
- Hormati adat dan budaya orang lain
- Sekiranya anda menyedari tentang sebarang keadaan yang melanggar prinsip-prinsip di atas, sila tampil kehadapan atau laporkan keimbangan anda

Kepelbagaian dan Peluang Sama Rata

Aker Solutions komited untuk memastikan sumbangan unik setiap pekerja kepada syarikat adalah digalakkan. Dalam usaha untuk memastikan bahawa semua orang boleh menggunakan sepenuhnya bakat mereka kita hendaklah mengalu-alukan, mendengar dan menghormati idea-idea orang dari latar belakang yang berbeza.

Kakitangan kita mengharapkan tempat kerja yang bebas daripada gangguan dan diskriminasi. Kita tidak akan bertolak ansur dengan diskriminasi terhadap mana-mana pekerja berdasarkan umur, jantina, orientasi seksual, kecacatan, bangsa, kewarganegaraan, pendapat politik, agama atau latar belakang etnik, atau apa-apa asas lain yang dilarang oleh undang-undang.

TANGGUNGJAWAB ANDA:

- Melayan semua orang dengan penuh kehormatan , adil dan rasa hormat
- Membuat keputusan yang berkaitan dengan kerja berdasarkan merit
- Menggalakkan dan mendengar kepada mereka yang menyuarakan pendapat





Hak Asasi Manusia dan Buruh

Aker Solutions ialah ahli Global Compact PBB. Kita menyokong dan menghormati hak asasi manusia dan buruh yang diisyiharkan di peringkat antarabangsa, termasuklah Deklarasi dan Konvensyen PBB mengenai Hak Asasi Manusia, Garis Panduan OECD untuk Perusahaan Multinasional, Deklarasi ILO mengenai Prinsip Asas dan Hak Asasi di Tempat Kerja dan Akta Perhambaan Moden UK. Aker Solutions mengiktiraf semua hak pekerja untuk membentuk dan menyertai kesatuan pekerja pilihan mereka sendiri.

Aker Solutions tidak menggunakan buruh kanak-kanak atau paksaan, dan tidak akan bertolak ansur terhadap keadaan pekerjaan atau layanan yang bertentangan dengan undang-undang dan amalan antarabangsa. Kita mempunyai pendekatan toleransi sifar terhadap perhambaan dan perdagangan manusia moden.

Aker Solutions perlu memastikan bahawa syarikat, melalui operasinya, tidak menyebabkan sebarang pelanggaran hak asasi manusia dan buruh. Syarikat komited untuk melaksanakan dan menguatkuasakan sistem yang berkesan bagi meminimumkan risiko pelanggaran hak asasi manusia dan buruh dalam operasi kita sendiri dan dalam rantaian bekalan kita.

TANGGUNGJAWAB ANDA:

- Anda dilarang menyebabkan atau menyumbang kepada pelanggaran hak asasi manusia dan buruh
- Menghormati maruah, privasi dan hak peribadi bagi setiap individu yang anda berinteraksi bersama ketika kerja dan mereka yang terjejas oleh operasi perniagaan kita
- Memaklumkan kepada pengurus anda secara bertulis sekiranya anda menyedari sebarang situasi yang melanggar mana-mana prinsip di atas



Bekerjasama dengan
Pihak Berkepentingan
dengan kita

Privasi dan Perlindungan Data

Aker Solutions komited terhadap satu set peraturan korporat yang dipersetujui (BCR) yang menyediakan asas undang-undang untuk membenarkan pemindahan data peribadi secara global dalam kumpulan syarikat kita. Aker Solutions hendaklah mengekalkan langkah-langkah teknikal dan organisasi yang sesuai untuk melindungi data peribadi.

Butiran lanjut dan panduan ditetapkan selanjutnya dalam **Standard Perlindungan Data dalam kita**.

PERATURAN PERLINDUNGAN DATA ASAS AKER SOLUTIONS TERMASUK:

- Pemprosesan data peribadi hendaklah dilakukan secara adil dan sah
- Pengumpulan data peribadi hanya akan dilakukan untuk tujuan yang jelas dan sah dan penggunaannya hendaklah dibuat dengan sewajarnya
- Pengumpulan data peribadi hendaklah relevan dan tidak berlebihan berhubung dengan maksud asal ianya diproses
- Data peribadi hendaklah disimpan dengan tepat dan jika perlu, hendaklah yang terkini
- Data peribadi tidak boleh disimpan lebih lama daripada yang diperlukan
- Semua data peribadi hendaklah disimpan secara rahsia dan disimpan dengan cara yang selamat
- Data peribadi tidak akan dikongsi dengan pihak ketiga kecuali jika diperlukan agar mereka dapat memberikan perkhidmatan selepas persetujuan
- Subjek data hendaklah mempunyai hak untuk mengakses dan membetulkan data peribadi sendiri

Sekiranya anda menganggap bahawa kami telah gagal mematuhi peraturan yang berkenaan mengenai pemprosesan data peribadi anda mempunyai hak untuk membantah pada bila-bila masa. Sekiranya anda berada didalam keadaan bahaya akibat ketidakpatuhan tersebut, anda boleh menghubungi Pegawai Perlindungan Data syarikat.

Melindungi Alam Sekitar

Aker Solutions hendaklah bertindak secara bertanggungjawab dengan tujuan untuk mengurangkan kesan negatif secara langsung dan tidak langsung terhadap alam sekitar luaran. Kita hendaklah mematuhi undang-undang dan standard antarabangsa dan tempatan yang berkaitan, berusaha untuk meminimumkan kesan alam sekitar kita dan mengambil pendekatan mampan dalam operasi harian kita. Sasaran kita adalah untuk menyokong pelanggan kita dan industri untuk menjadi penggerak alam sekitar yang lebih baik melalui produk dan perkhidmatan kita. Kita fokus terhadap mengurangkan sisa, mengurangkan pelepasan karbon dioksida (CO_2) dan meningkatkan kesedaran alam sekitar di kalangan pekerja kita.

TANGGUNGJAWAB ANDA:

- Berusaha untuk memahami kesan alam sekitar dalam kawasan kerja anda dan meminimumkan kesan
- Berkongsi amalan terbaik alam sekitar di kawasan kerja anda
- Mengambil bahagian secara aktif dalam program alam sekitar




Tajaan dan Derma

Aker Solutions boleh menggunakan tajaan untuk mempromosi syarikat dan perniagaannya. Semua hubungan penajaan perlulah strategik dan selaras dengan nilai Aker Solutions. Manfaat nyata bagi Aker Solutions berkaitan penajaan perlu ada dan didokumenkan, seperti keuntungan komersial, pembangunan profesional, peningkatan profil, dan lain-lain. Semua hubungan penajaan hendaklah distruktur sebagai ‘situasi menang-menang’ di mana kedua-dua pihak mencapai beberapa keuntungan. Semua penajaan perlu mematuhi peraturan dalam Matriks Kebenaran Aker Solutions.


Organisasi atau kumpulan politik atau keagamaan tidak boleh ditaja. Tidak boleh berlaku konflik kepentingan peribadi dalam keputusan untuk menaja sesbuah organisasi. Sekiranya wujud situasi konflik kepentingan, individu dengan konflik itu perlu menarik diri daripada dikaitkan dengan proses membuat keputusan.

Sumbangan amal atau hadiah kepada organisasi tidak membawa keperluan yang sama dengan manfaat bersama. Walau bagaimanapun, sumbangan amal tidak boleh diberikan kepada organisasi keagamaan atau politik. Semua sumbangan amal perlu diluluskan terlebih dahulu oleh bahagian Pematuhan dan Integriti Perniagaan Korporat.



Ketelusan dan Pelaporan Kewangan

Aker Solutions akan menyampaikan maklumat perniagaan yang berkaitan secara penuh dan tepat pada masa kepada pekerjaanya dan pemegang saham luar. Semua maklumat perakaunan dan kewangan, serta maklumat pendedahan lain, perlu secara tepat didaftarkan dan dibentangkan menurut undang-undang, peraturan dan standard perakaunan yang berkaitan. Aker Solutions komited untuk menyediakan maklumat berkualiti kepada pasaran kewangan, membolehkan pelabur dan penganalisis untuk mengekalkan gambaran yang betul bagi situasi kewangan serta risiko dan peluang yang dihadapi pada masa depan. Aker Solutions akan menyediakan maklumat pendedahan tepat kepada pasaran kewangan selaras dengan semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan untuk syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Oslo. Semua maklumat bahan didedahkan kepada penerima secara sama dari segi kandungan dan masa.



Laporan



Pendedahan Maklumat – Pelaporan Pelanggaran

Sekiranya anda menyedari atau mempunyai syak berkenaan sebarang salah laku, tindakan tersebut perlu segera dilaporkan kepada pengurus anda, jabatan Sumber Manusia atau pengurus Aker Solutions lain yang anda percayai.

Sekiranya anda gagal mendapatkan respons bagi pemberitahuan anda atau jika anda tidak mahu memaklumkan kepada mereka yang dikenal pasti di atas, anda digesa untuk melaporkan perkara tersebut ke saluran pendedahan maklumat Aker Solutions.

Laporan boleh dihantar secara tanpa nama melalui saluran pendedahan maklumat Aker Solutions di <http://akersolutions.com/whistleblowing> atau melalui e-mel ke:

whistleblowing@akersolutions.com

Saluran pendedahan maklumat terbuka kepada semua pekerja dan bukan pekerja untuk melaporkan kebimbangan tentang salah laku. Semua laporan ke saluran pendedahan maklumat ini diterima dan diuruskan oleh jabatan Integriti dan Pematuhan Perniagaan Korporat Aker Solutions, dan dikendalikan dengan secara sulit.

Aker Solutions akan memastikan bahawa tiada tindakan balas terhadap pendedah maklumat, atau sebarang kesan kepada karier profesional pendedah maklumat, kerana melaporkan kemungkinan pelanggaran dengan niat yang baik. Mana-mana pekerja dengan sengaja membuat laporan palsu bagi tujuan menjelaskan individu lain akan dikenakan tindakan disiplin.

Butiran lanjut dan panduan ditetapkan selanjutnya dalam Prosedur Pendedahan Maklumat dalam kita.



Kami mengharapkan standard etika
dan integriti yang tertinggi - daripada
kita semua, di mana sahaja.